

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

CIDB PERKUKUH BAKAT TVET PEMBINAAN SARAWAK BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN INDUSTRI DAN PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI

KUCHING, 24 Ogos 2026 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) terus memperkukuh pembangunan tenaga kerja mahir tempatan bagi memenuhi peningkatan permintaan industri pembinaan dan menyokong pelaksanaan projek-projek pembangunan utama di Sarawak.

Usaha tersebut diperkukuh menerusi **Majlis Graduasi Ke-12 Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies Wilayah Sarawak 2026** yang berlangsung di Pusat Konvensyen CIDB Sarawak hari ini, melibatkan seramai **150 graduan** yang telah menamatkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran pembinaan di bawah **Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)**.

Majlis disempurnakan oleh **Pengerusi CIDB Malaysia, Dato' Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab**.

Pengerusi CIDB Malaysia berkata, pembangunan tenaga kerja mahir perlu bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan infrastruktur Sarawak, khususnya ketika negeri itu memasuki fasa pecutan pembangunan.

“Setiap projek pembangunan memerlukan tenaga kerja mahir untuk menterjemahkan perancangan kepada realiti. Justeru, pembangunan infrastruktur dan industri di Sarawak perlu bergerak seiring dengan pembangunan bakat TVET Pembinaan.”

Antara projek pembangunan utama bernilai lebih **RM20 bilion** yang sedang bergerak di Sarawak termasuk **Sabah–Sarawak Link Road (SSLR), Lebuhraya Trans Borneo, Pelabuhan Laut Dalam Kuala Baram**, serta perkembangan industri minyak dan gas di Bintulu dan Miri.

Seiring dengan keperluan tersebut, Sarawak menyasarkan **30 peratus daripada tenaga kerjanya, atau kira-kira 500,000 orang, terdiri daripada tenaga kerja mahir menjelang 2030**. Antara kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi termasuk penyaman udara dan pengudaraan mekanikal, operasi jentera berat, kimpalan, pendawaian serta pelbagai kemahiran teknikal lain. (sumber https://premierdept.sarawak.gov.my/web/subpage/news_view/7913/UKAS)

CIDB melalui ABM dan CIDB Technologies terus memperluas akses serta meningkatkan kapasiti latihan bagi memenuhi keperluan berkenaan. Sehingga kini ABM Sarawak dan CIDB Technologies Sarawak telah berjaya melahirkan seramai **38,988** tenaga kerja mahir.

Di peringkat nasional pula, seramai **270,405 pelatih** telah dilatih menerusi Program Latihan Kompetensi Kemahiran (LKK) CIDB Malaysia bagi tempoh 2012 hingga 2025.

Keberkesanan latihan TVET Pembinaan turut dicerminkan melalui **kadar kebolehpasaran graduan yang melebihi 88 peratus**, dengan ramai graduan diserap terus ke dalam industri melalui kontraktor G1 hingga G7 yang melaksanakan projek kerajaan dan juga swasta.

Dalam teks ucapannya Pengerusi CIDB berkata kadar kebolehpasaran tersebut menunjukkan program latihan yang ditawarkan selari dengan keperluan sebenar industri.

“Persepsi bahawa TVET adalah pilihan kedua sudah tidak lagi relevan. Dalam era kecerdasan buatan dan automasi, kemahiran praktikal serta kepakaran teknikal graduan TVET kekal menjadi aset yang sukar digantikan sepenuhnya oleh teknologi.”

Pada majlis sama, CIDB turut memberi pengiktirafan kepada dua alumni **menerusi Anugerah IKON TVET Pembinaan**, sebagai inspirasi kepada graduan dan golongan belia bahawa laluan TVET mampu membuka peluang kerjaya yang luas dan bernilai tinggi.

Penerima pertama, **Tino Anak Jenis**, 34 tahun, merupakan graduan ABM Wilayah Sarawak dalam bidang Operasi Kren Bergerak dan kini berkhidmat sebagai operator kren bergerak dalam industri luar pesisir di Sarawak.

Seorang lagi penerima, **Wilson Lo**, 37 tahun, merupakan alumni CIDB Technologies Sarawak dalam bidang kimpalan dan kini membina kerjaya sebagai jurukimpal dalam industri luar pesisir di Belanda. Kedua-dua alumni tersebut kini mampu memperoleh pendapatan tinggi, hasil kompetensi, pengalaman industri dan peningkatan kemahiran yang berterusan.

Majlis turut menyaksikan pelancaran **Kursus Telekomunikasi** oleh ABM Wilayah Sarawak melalui kerjasama strategik bersama **Kejuruteraan Rasshin dan Cynergy (Unitel Multimedia Sdn Bhd)**. Program tersebut dibangunkan bagi menyediakan tenaga kerja tempatan berkemahiran serta menyokong pembangunan infrastruktur digital di Sarawak melalui pembangunan modul, perkongsian kepakaran teknikal dan latihan berorientasikan industri.

Selain itu, **Surat Lantikan Tenaga Pengajar Profesional** turut disampaikan kepada individu industri yang akan menyumbang kepakaran, pengalaman dan pengetahuan teknikal dalam pelaksanaan program latihan.

Timbalan Ketua Eksekutif Operasi yang mewakili Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Dr. Ts. Gerald Sundaraj dalam ucapannya turut menekankan kepentingan kerjasama industri dalam memastikan latihan TVET Pembinaan kekal relevan.

“Latihan di dalam bengkel mempunyai batasnya. Pengalaman sebenar di tapak bina, dengan keperluan keselamatan, tekanan masa dan standard kerja sebenar, hanya mampu diberikan melalui kerjasama erat dengan industri.”

CIDB akan terus memperkukuh kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi, institusi latihan dan pemain industri bagi membangunkan tenaga kerja tempatan yang kompeten, berkemahiran tinggi dan bersedia memenuhi keperluan pembangunan Sarawak serta industri pembinaan negara.

TAMAT

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Diterbitkan oleh MNAIR PR Consultancy Sdn Bhd bagi pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Noraini Mohd Fadzil	noraini.fadzil@cidb.gov.my	03 – 6206 7119
Muhammad Nurhan Shafik	shafik@cidb.gov.my	03 – 6206 7129

Disediakan bagi pihak CIDB Malaysia oleh MNAIR PR Consultancy Sdn Bhd:

Nurjehan Mohamed	jehan@mnaipr.com	017 – 606 2029
Noor Fadilah Ibrahim	noorfadilah@mnaipr.com	017 – 291 0711